

15/01/2003

Menyediakan umat Islam maju

Dr Mohamad Khir Toyo

HARI ini ada 193 negara bangsa di dunia yang semuanya adalah anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kecuali dua - Palestin dan Holy Sea. Daripada jumlah itu, 87 negara mencapai kemerdekaan lebih dulu daripada Malaysia.

Hanya 28 yang lebih maju dan menikmati taraf hidup lebih baik daripada negara kita jika diukur melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan perkapita (kuasa beli/PPP) dan peratusan penduduk yang berada di bawah paras kemiskinan.

Hanya Singapura, Brunei, Kuwait, Bahrain, Qatar dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) yang merdeka selepas Malaysia mempunyai pendapatan perkapita lebih tinggi daripada negara ini.

Namun, saiz ekonomi dan jumlah penduduk mereka adalah jauh lebih kecil.

Di kalangan negara membangun dan negara Islam pula, kita telah muncul sebagai negara termaju.

Begitupun, Kerajaan Malaysia dan rakyatnya menyedari bahawa kita tidak mampu untuk berpuas hati dengan pencapaian sedia ada, sebaliknya perlu dipertingkatkan bagi menghadapi perubahan global.

Inilah yang menjadi inti pati perancangan dan pelaksanaan Wawasan 2020 yang diprakarsa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Melalui wawasan ini, Malaysia bercita-cita menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Namun, ada satu persoalan besar yang menghantui pemikiran masyarakat Melayu Malaysia - adakah dengan menjadikan pencapaian lalu sebagai kayu ukur, masyarakat Melayu mampu meraih faedah sepenuhnya daripada perubahan

taraf Malaysia dari sebuah negara membangun kepada sebuah negara maju?

Adalah satu fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa orang Melayu yang rata-rata berasal dari masyarakat nelayan dan petani ketinggalan di dalam persaingan perekonomian negara berbanding kaum lain.

Ini sedikit-sebanyak diakibatkan dasar 'pecah dan perintah' penjajah British sejak mereka mula bertapak di Tanah Melayu. Namun, kita juga tidak

boleh menyalahkan sepenuhnya faktor luaran seperti penjajahan, sama ada ia

dilakukan oleh penjajah Barat atau Timur seperti Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan Siam sepanjang 446 tahun.

Sebenarnya, ada juga faktor dalaman yang wujud pada masyarakat kita sendiri yang mengakibatkan kelemahan itu seperti sistem nilai yang diamalkan dan sikap masyarakat.

Rasionalnya, kenapakah setelah kita mencapai kemerdekaan begitu lama dan

setelah pelbagai dasar dilaksanakan kerajaan yang dipimpin orang Melayu bagi membaiki keadaan sosio-ekonomi bangsa bermula dengan program kejuruteraan sosial yang paling besar dan menyeluruh seperti Dasar Ekonomi

Baru (DEB 1971-1990), senario perekonomian bangsa masih lagi malap?

Sepatutnya selepas dua dekad pelaksanaan dasar itu, matlamat penguasaan sekurang-kurangnya 30 peratus kekayaan negara oleh masyarakat Bumiputera akan dicapai.

Bagi mengatasi masalah sistem nilai dan sikap ini, bidang yang sepatutnya perlu diberi perhatian serius ialah pendidikan. Pendidikanlah yang mampu mengubah sistem nilai dan sikap masyarakat di samping menjadi kunci jatuh bangun atau maju mundur sesuatu bangsa atau rakyat sesebuah negara.

Persoalannya, bagaimana masyarakat Melayu ingin mengharapkan senario pendidikan sedia ada kalau 165,902 anak Melayu (mengikut statistik sehingga 30 Jun 2002) terhalang perkembangan potensi optimumnya kerana mereka mengikuti pengajian di sekolah yang eksklusif aliran agamanya dan terpisah dari sistem pendidikan kebangsaan. Ini termasuk penuntut rendah dan menengah di Sekolah Agama Negeri, Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan sekolah agama swasta.

Ini berbeza dengan 36,339 pelajar yang sedang mengikuti pengajian di 53

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 48,312 lagi di 482 Kelas Aliran Agama (KAA) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sedia ada.

Daripada sejumlah 165,902 anak Melayu yang mengikuti aliran eksklusif agama pada peringkat menengah, hanya mereka di SMKA dan KAA kelolaan Kerajaan Persekutuan mempunyai jaminan dari segi kualiti dan kuantiti guru

serta prasarana asas. Sekolah Menengah Agama Negeri pula bergantung kepada

sumber kewangan negeri serta bantuan Kerajaan Persekutuan.

Bagi negeri maju seperti Selangor yang diperintah kerajaan Barisan Nasional (BN), ia tidak menjadi masalah. Bagi Sekolah Menengah Agama Rakyat, kedua-dua faktor ini langsung tidak terjamin.

Dengan tiadanya unsur persaingan daripada kaum lain, kelemahan dari segi

kuantiti dan kualiti guru serta prasarana yang tidak memuaskan, bagaimana

kita mahu melahirkan generasi anak Melayu cemerlang yang mampu menghadapi

persaingan dan menangani cabaran zaman mereka?

Apa yang akan kita lahirkan dari sistem ini hanyalah mereka yang sederhana kecemerlangan akademiknya di samping jumud pemikirannya dan mereka inilah yang akan menjadi sumber subur kepada perkaderan ekstremis agama.

Kenapakah kita mendapati ibu bapa begitu berminat menghantar anak mereka

ke sekolah agama hari ini - adakah ia lahir hasil keprihatinan yang meningkat terhadap agama atau adakah ia lahir daripada silap faham pada peringkat paling asas terhadap ajaran Islam?

Persoalan paling asas yang perlu ditanya oleh umat Islam ialah adakah mereka diturunkan ke muka bumi hanya untuk menjadi umat yang dihina, ditindas dan diperlekeh atau sebagai sebaik-baik umat yang menjadi contoh

teladan kepada manusia?

Jika jawapannya adalah jawapan pertama, maka kita tidak perlu membuat apa-apa usaha bagi memperbaiki nasib umat pada hari ini kerana apa yang

berlaku ketika ini cukup untuk melambangkan kedaifan umat Islam.

Namun, jika jawapannya adalah umat Islam diwujudkan untuk menjadi contoh, maka kita perlu bertanya kenapa kita sebagai umat contoh dan satu-

satunya umat yang diwajibkan menuntut ilmu pengetahuan menjadi begitu hina? Adakah ia diakibatkan kita mengabaikan perintah Allah untuk menuntut

ilmu pengetahuan?

Kita umat Islam hari ini nostalgik terhadap pencapaian lalu tamadun umat

dan kita sering melaung-laungkan slogan untuk maju. Maka, umat Islam perlu

kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Persoalannya, apakah ajaran Islam yang sebenar itu? Adakah dengan belajar ilmu agama semata-mata dengan meninggalkan pengajian ilmu sains dan teknologi, maka kita akan maju? Cukupkah dengan hanya menggunakan semangat bagi berperang menghadapi peluru berpandu?

Malah, ada juga ibu bapa yang bersifat mementingkan diri sendiri. Oleh kerana mereka cetek pengetahuan agama, maka bagi menebus segala dosa mereka atau mendapat kedudukan yang lebih baik di akhirat kelak, mereka menghantar anak mereka ke sekolah agama.

Ini adalah perbuatan golongan yang mementingkan diri sendiri. Apa salahnya mereka yang berasa cetek pengetahuan agama berusaha untuk mendalami ilmu agama tanpa mengambil jalan mudah untuk mempergunakan anak

bagi kepentingan mereka?

Sudah sampai masanya kita mengambil langkah tegas dan menyeluruh bagi memastikan umat Islam, terutama di Malaysia, tidak ketinggalan dalam menghadapi persaingan era globalisasi yang sengit ini akibat salah faham yang wujud terhadap ajaran agama sendiri.

Langkah kerajaan yang mahu menyerap pelajar menengah dan rendah yang sedang belajar di sekolah agama rakyat (SAR) adalah perancangan baik.

Seboleh-bolehnya konsep KAA di SMK yang sedia ada diperluaskan agar mereka yang berminat terhadap aliran agama boleh memasuki aliran berkenaan

tetapi mereka tidak akan terpisah dari segi fizikal dengan rakyat Malaysia

dari kaum lain.

Dicadangkan juga diwujudkan beberapa sekolah berasrama penuh (SBP) aliran agama dengan pengambilan di tingkatan empat bagi melatih bakal-bakal ulama yang dipilih berdasarkan kecemerlangan daripada KAA ini.

Aliran agama secara eksklusif, iaitu mereka yang hanya bersekolah di sekolah agama tanpa menghadiri sekolah kebangsaan, tidak harus dibenarkan

di peringkat pendidikan rendah.

Juga tidak harus ada mana-mana pihak yang cuba mempolitikkan usaha murni

kerajaan ini yang bermatlamat untuk menjamin masa depan anak-anak Melayu hari ini.

Mereka yang cuba menghalang usaha murni kerajaan ini adalah sebenarnya pengkhianat kepada masa depan umat Melayu sendiri.